



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 31 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MOA ALLOCATES RM10M TO HELP POOR FARMERS VENTURE INTO SME, MALAYSIA KINI -ONLINE MOA SASAR TAMBAH 70 PASAR NELAYAN, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -36 200 PASAR NELAYAN TAHUN INI, BH -ONLINE SASAR 200 PASAR NELAYAN, WILAYAH, BH -36	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5. 6.	RM5.119 JUTA BANTU PETANI TERJEJAS PADA MUSIM KEMARAU, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -36 RM5.119 JUTA BANTU PETANI TERJEJAS MUSIM KEMARAU: SALAHUDDIN, SH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
7.	RUGI RM100,000 TAK PATAHKAN SEMANGAT, NASIONAL, BH -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	MAKANAN IMPORT DIPANTAU, ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA, SH -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11.	CUACA PANAS JEJAS HARUMANIS, SINAR NEGERI PERLIS/PULAU PINANG, SH -33 INDUSTRI HARUMANIS PERLU DI[ELIHARA, SINAR NEGERI PERLIS/P.PINANG, SH -33 BAZAR PEDULI RAKYAT JUAL HARGA MURAH, MY METRO -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	KERJASAMA STRATEGIK PETRONAK & AGROBANK, NASIONAL, SH -9	AGROBANK
13. 14. 15. 16. 17.	TANAM BAWANG TAK EKONOMIK, LEBIH MURAH JIKA IMPORT, MALAYSIA KINI -ONLINE MAKANAN-KRISIS YANG PATUT DIBIMBANGI, MALAYSIA KINI -ONLINE CATUAN AIR TIDAK MUSNAH CILI FERTIGASI, BH -ONLINE PEKEBUN LEGA CATUAN AIR TAK JEJAS CILI, LOKAL, HM -16 PILOT BENDANG, LOKAL, HM -16	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MOA allocates RM10m to help poor farmers venture into SME



The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) has allocated RM10 million to help poor farmers venture into Small and Medium Enterprises (SME).

Its minister Salahuddin Ayub (*above*) said the farmers taking part in the programme will be given equipment and training including for producing traditional cakes which are still much in demand.

"The equipment is worth RM10,000 for every qualified participant," he said when met after visiting a traditional cake entrepreneur under the Rezeki Tani Programme, Mohd Nor Husain, 56, in Kampung Jelor, Pasir Puteh today.

Also present was Kemubu Agriculture Development Authority chairman Husam Musa.

The ministry is prepared to increase the fund if it is not enough to help those farmers in real need of assistance, Salahuddin said.

Salahuddin said officers under the ministry must go down to the field and seek out truly poor farmers and rope them into the programme without having to wait for an application form to arrive at their office to be processed, as previously done.

"Definitely, they must choose those who are really diligent and willing to work hard to change their circumstances," he said.

Meanwhile, Mohd Nor said he could produce 250 to 300 traditional cakes a day especially akok, bauhulu and bederam after receiving the necessary equipment, since starting his endeavour four years ago.



"I earn RM100 to RM150 a day which is lucrative for a village resident," he said.

Mohd Nor, who is assisted by his wife, Sharifah Mat Hassan, 52, receives orders from the residents of Besut, Terengganu other than the local market especially for weddings and other functions.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

200 pasar nelayan tahun ini



KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyasarkan 200 pasar nelayan di seluruh negara pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata sehingga kini terdapat lebih 130 pasar nelayan dan akan menambah kira-kira 70 lagi pasar nelayan di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Katanya, dengan wujudnya pasar nelayan, ia dapat menghapuskan rantaian orang tengah dan memberi peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan terus kepada pelbagai peringkat pengguna.

"Selain itu, nelayan juga memperoleh margin pulangan harga yang lebih baik dan menguntungkan, manakala pengguna pula mendapat bekalan segar pada harga berpatutan.

"Saya berjanji dalam masa tiga tahun sekiranya kita menjaga perairan negara, pendapatan nelayan akan bertambah, malah saya diberitahu nelayan sendiri pendapatan mereka kini sudah bertambah dan tiada lagi vesel asing yang masuk.

"Pihak kami akan bekerja lebih kuat lagi bagi memastikan pengawalan Ops Naga dapat diteruskan dan pada masa sama, laut kita akan bebas daripada ancaman nelayan asing serta kemudahan pasar nelayan akan terus dipertingkatkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pasar Nelayan Pulau Gajah, Sabak di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah LKIM, Jamaludin Othman.

Salahuddin berkata, hasil tangkapan nelayan di Pulau Gajah juga sudah meningkat dengan nelayan kini dapat menangkap ikan di kawasan A, iaitu dalam lingkungan empat batu nautika.

"Pada tahun lepas, kebanyakan ikan bersaiz besar seperti tenggiri sukar ditangkap kerana pencerobohan vesel asing, namun kini mereka (nelayan tempatan) sudah dapat memasuki kawasan berkenaan untuk menangkap ikan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata, pihaknya menjalinkan kerjasama strategik antara Agrobank dan Petronas dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta, baru-baru ini.

"Melalui kerjasama strategik ini, pinjaman serendah RM1,000 hingga RM300,000 boleh diberikan kepada nelayan dan petani.

"Jadi bagi yang ingin mempertingkatkan perniagaan mereka termasuk suri rumah nelayan yang mahu memulakan perniagaan kita akan bantu daripada sebahagian peruntukan yang diperolehi.

"Ini semua adalah untuk rancangan jangka masa lima tahun yang kita akan membantu golongan B40 ini untuk berdikari serta mengeluarkan mereka daripada B40 kepada M40," katanya.

Katanya, kerajaan juga menyediakan geran-geran yang bersesuaian bagi memudahkan nelayan membuat pinjaman dan melebarkan sayap perniagaan mereka.

"Bagaimanapun, pinjaman yang diberikan dirasakan lagi baik iaitu dari segi motivasi kerana bila mereka diberi pinjaman akan ada rasa tanggungjawab untuk membayarnya semula," katanya.

MOA sasar tambah 70 pasar nelayan

Berdasarkan perkembangan positif penjualan ikan, tingkat pendapatan nelayan

Oleh SITILFATHAH AWANG

KOTA BHARU

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyasarkan penambahan sebanyak 70 buah pasar nelayan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 200 buah di seluruh negara pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, penambahan pasar nelayan itu dilakukan berdasarkan perkembangan positif dalam penjualan ikan yang membantu meningkatkan taraf hidup nelayan.

"Saya berjanji dalam masa tiga tahun sekiranya kita jaga perairan, pendapatan nelayan akan bertambah. Sekarang pun saya diberitahu nelayan sendiri bahawa pendapatan mereka bertambah dan tiada lagi vesel asing yang masuk."

"Saya akan terus membantu nelayan dan Kabinet akan meneruskan Ops Naga. Satu kejayaan apabila di kawasan pantai, kita dapat menangkap ikan yang segar."



Salahuddin (left) menurunkan tandatangan ketika merasmikan Pasar Nelayan Pulau Gajah, Sabak dekat Kota Bharu semalam.

"Saya harap nelayan terus berusaha dan jangan guna pukat haram. Insya-ALLAH, mereka dapat mengubah taraf hidup pada masa akan datang," katanya kepada media selepas merasmikan Pasar Nelayan Pulau Gajah, Sabak di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jamaluddin Otman.

Salahuddin berkata, perniagaan ikan yang dijalankan di pasar nelayan dapat membantu dan memudahkan pembeli untuk mendapatkan bekalan ikan yang segar serta murah.

Malah katanya, pihaknya sentiasa memastikan pengawasan urusan niaga dilakukan dengan baik dan sumber utama iaitu

laut juga bebas daripada sebarang ancaman.

"Kita juga sentiasa meningkatkan kemudahan dan kebajikan nelayan, selain membantu mereka untuk membuat pinjaman melalui geran-geran yang disediakan dan sebagainya."

"Ini salah satu cara untuk mereka meningkatkan perniagaan dan kita berharap dapat mengubah kehidupan mereka daripada B40 (golongan berpendapatan rendah) kepada M40 (golongan berpendapatan pertengahan) dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Untuk rekod, terdapat 90 buah pasar nelayan yang aktif menjalankan urusan niaga melibatkan seramai 558 orang-peserta di seluruh negara.

26 individu ditahan, barang seludup-RM857,018 dirampas

TUMPAT - Seramai 26 lelaki yang dipercayai terlibat dalam kegiatan jenayah rentas sempadan dan penyeludupan ditahan bersama pelbagai barangan bernilai RM857,018 oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 Pengkalan Chepa sejak dua minggu lalu.

Mereka yang berusia antara 20 hingga 30-an itu ditahan dalam Op Wawasan bermula pada 16 Januari lalu sehingga kelmarin.

Penolong Pegawai Pemerintah, Deputi Superintendan Ab Aziz Che Embong berkata, sepanjang operasi, sebanyak 38 kes jenayah antaranya melibatkan dadah, mercun dan bunga api serta melibatkan barangan penyeludupan seperti beras, petrol, diesel, minyak masak dan kontraband.

Terbaru, katanya, pada jam 3.15 pagi kelmarin, PGA bersama Pasukan Polis Marin Pengkalan Kubur menyerbu sebuah stor di tepi Sungai Go-

lok, Kampung Nibong, Simpangan dan merampas saki baki merdu perayaan Tahun Baru Cina bernilai RM74,500.

"Intipati mendapati sekumpulan lelaki leka mengungkit kotak ke dalam dua van dan melarikan diri apabila diserbu, namun seorang suspek berusia 36 tahun berjaya ditahan."

"Semakan lanjut ke atas satu van yang dirampas mendapati nombor casis dan enjin diganggu serta berkait dengan laporan kecurian di Jelutong, Selangor. Kedua-dua van bernilai RM180,000 dirampas untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang akhbar di Balai Polis Jambai di sini semalam.

Ab Aziz berkata, jumlah itu menjadikan keseluruhan kenderaan yang dirampas sepanjang operasi sebanyak 19 buah termasuk tujuh kereta, sebuah lori, empat pacuan empat roda, lima van dan dua motosikal bernilai RM537,000.



Ab Aziz (empat dari kanan) melihat mercun hola antara yang dirampas dalam Op Wawasan.

RM5.119 juta bantu petani terjejas pada musim kemarau

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan sebanyak RM5.119 juta bagi membantu golongan petani di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang terjejas akibat musim kemarau sebelum ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pampasan itu melibatkan seramai 2,999 petani yang mengalami kerosakan bagi musim 2/2018.

"Untuk musim 2/2018, sebanyak 7,734 hektar sawah padi di bawah seliaan KADA telah mengalami kerosakan teruk akibat bencana kemarau."

"Kita harap bantuan yang disalurkan ini mampu meringankan beban petani yang terlibat," katanya kepada pembekal pada Majlis Penyampaian Bantuan Bencana Kemarau Tanaman Padi KADA Bagi Musim 2/2018 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Cherang Rotan di sini semalam.

Salahuddin berkata, setiap petani yang terlibat akan menerima pampasan berjumlah RM876 untuk kawasan satu hektar.

Namun, katanya, pampasan tersebut hanya dihadkan kepada keluasan maksimum tiga hektar bagi setiap pesawah.



Salahuddin (empat dari kiri) menyempatkan rekod cek berjumlah RM5.119 juta kepada petani yang terjejas pada musim kemarau di PPK Cherang Rotan, Pasir Puteh semalam.

"Hari ini (semalam) seramai 835 penerima dari jajahan Pasir Puteh dan seramai 436 peneri-

ma di Bachok mendapat pampasan tersebut."

"Selebihnya, kita akan agih-

kan sedikit masa lagi mengikut jajahan masing-masing," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

RM5.119 juta bantu petani terjejas musim kemarau: Salahuddin



Salahuddin (empat dari kiri) dan Husam (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek berjumlah RM5.119 juta kepada petani yang terjejas pada musim kemarau di PPK Cherang Rotan di sini hari ini.

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan sebanyak RM5.119 juta bagi membantu para petani di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang terjejas akibat musim kemarau sebelum ini.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pampasan itu membabitkan seramai 2,999 petani yang mengalami kerosakan bagi musim 2018.

"Untuk musim 2/2018 sebanyak 7,734 hektar sawah padi di bawah seliaan KADA telah mengalami kerosakan teruk akibat bencana kemarau.

"Kita harap bantuan yang disalurkan mampu meringankan beban para petani terlibat," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Bantuan Bencana Kemarau Tanaman Padi

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Musim 2/2018 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Cherang Rotan di sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi KADA, Senator Datuk Husam Musa.

Menurutnya, setiap petani terlibat akan menerima pampasan berjumlah RM876 untuk satu hektar.

Katanya, bagaimanapun pampasan itu hanya dihadkan kepada keluasan maksima tiga hektar bagi setiap pesawah.

"Hari ini seramai 835 penerima dari jajahan Pasir Puteh dan 436 penerima di Bachok mendapat pampasan tersebut.

"Selebihnya, kita akan agihkan sedikit masa lagi mengikut jajahan masing-masing," katanya.

Salahuddin berkata, bantuan ini merupakan tanda keprihatinan pihak kerajaan dalam membela nasib petani.

Katanya, kerajaan juga telah bertungkus-lumus dalam mencari alternatif terbaik bagi menyelesaikan masalah kemarau ini.

Sasar 200 pasar nelayan

Bantu hapus rantaian orang tengah, peluang jual hasil terus kepada pengguna

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyasarkan 200 pasar nelayan di seluruh negara pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata sehingga kini terdapat lebih 130 pasar nelayan dan akan menambah kira-kira 70 lagi pasar nelayan di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Katanya, dengan wujudnya pasar nelayan, ia dapat menghapuskan rantaian ofang tengah dan memberi peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan terus kepada pelanggan peringkat pengguna.

"Selain itu, nelayan juga memperoleh margin pulangan harga



Salahuddin (tengah) melihat ikan baru dimaikan diatas bot nelayan pada majlis perasmian Pasar Nelayan Pulau Gajah, Sabak, Kota Bharu,
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Yang turut hadir, Ketua Pengarah LKIM, Jamaludin Othman.

Salahuddin berkata, hasil tangkapan nelayan di Pulau Gajah juga sudah meningkat dengan nelayan kini dapat menangkap ikan di kawasan A, iaitu dalam lingkungan empat batu nautika.

"Pada tahun lepas, kebanyakan ikan bersaiz besar seperti tenggiri sukar ditangkap kerana penceroohan vesel asing, namun kini mereka (nelayan tempatan) sudah dapat memasuki kawasan berkenaan untuk menangkap ikan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata, pihaknya menjalinkan kerjasama strategik antara Agrobank dan PETRONAS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta, baru-baru ini.

"Melalui kerjasama strategik ini, pinjaman serendah RM1,000 hingga RM300,000 boleh diberikan kepada nelayan dan petani.

"Jadi bagi yang ingin meningkatkan perniagaan mereka termasuk suri rumah nelayan yang mahu memulakan perniagaan kita akan bantu daripada sebahagian peruntukan yang diperolehi.

bih kuat lagi bagi memastikan pengawalan Ops Naga dapat diteruskan dan pada masa sama, laut kita akan bebas daripada ancaman nelayan asing serta kemudahan pasar nelayan akan terus dipertingkatkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas merasmikan Pasar Nelayan Pulau Gajah, Sabak di sini, semalam.

yang lebih baik dan menguntungkan, manakala pengguna pula mendapat bekalan segar pada harga berpatutan.

"Saya berjanji dalam masa tiga tahun sekiranya kita menjaga perairan negara, pendapatan nelayan akan bertambah, malah saya diberitahu nelayan sendiri mendapatkan mereka kini sudah bertambah dan tiada lagi vesel asing yang masuk.

"Pihak kami akan bekerja le-

Rugi RM100,000 tak patahkan semangat

4 kali gagal kini jadi pengeluar utama benih ikan tilapia, patin

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Jerantut: Empat kali gagal yang menyebabkan kerugian lebih RM100,000 bukan menghalang ke-pada graduan diploma kewarta-wanan, Saifulnizam Sulaiman, 33, untuk terus mencoburi bidang akuakultur secara komersial.

Berkat tidak pernah berputus asa itu, dia kini muncul pengeluar utama benih ikan tilapia merah dan patin untuk bekalan penter-nak di daerah ini dan beberapa negeri lain.

Dia mengusahakan pusat pem-benhian dua spesies ikan air ta-war di Kampung Bharu, Jalan Jerantut-Benta, di sini. Kini ada

lapan kolam tanah, 15 tangki pe-netasan dan 16 kolam simen di kawasan seluas lebih dua hektar.

"Saya memulakan projek pem-benhian ikan 12 tahun lalu tanpa sebarang ilmu perikanan. Hanya berbekalkan minat, saya menga-tur langkah dan akibatnya empat kali saya gagal dan rugi besar.

"Selepas gagal, saya mengambil keputusan untuk belajar bermula dari bawah dengan cara bekerja sambil belajar di beberapa pusat pembenhian terkemuka di negeri ini sambil mendapat nasihat Pu-sat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok," katanya, di sini.

Saifulnizam berkata, kini dia bersyukur apabila mampu me-ngeluarkan 150,000 hingga 200,000 benih tilapia merah dan patin se-bulan bagi memenuhi perminia-an penternak tempatan dan luar.

Benih ikan yang mencapai usia satu hingga dua bulan dijual an-tara 20 hingga 30 sen seekor me-ngikut saiz dan penternak tem-patan boleh datang sendiri me-lihat benih yang ingin dibeli.

Katanya, dia sentiasa menjaga kualiti benih bagi memusakan ha-ti pelanggan, lebih menarik pen-ternak berpeluang menerima be-nih baharu sekiranya ada kema-tian dengan jumlah yang banyak.

Kejayaan dalam bidang akua-kultur banyak dibantu isteri, Nur Fatima Syuhada Abdullah, 33, yang sentiasa memberi sokongan moral dan kewangan, terutama pada peringkat awal pembabitian sebagai pengeluar benih ikan.

"Kami bekerjasama sejak awal hingga kini, jatuh bangun dalam perniagaan akuakultur sama di-hadapi tanpa rasa jemu dan ber-putus asa.

"Saya kini mempunyai tiga pe-kerja tetap yang menjalankan pe-lbagai tugas, namun proses pem-benhian tetap saya yang lakukan," katanya yang berasal dari Negeri Sembilan.

Saifulnizam berkata, dia kini mempunyai dua tan induk betina dan jantan ikan patin dan 800 tilapia merah yang memiliki ta-hap kesuburan tinggi serta mam-



Saifulnizam menunjukkan benih ikan tilapia merah di pusat pembenhian ikan air tawar di Kampung Bharu, Jalan Jerantut-Benta, Jerantut. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

pu menghasilkan benih sepanjang tahun.

Katanya, bagi memenuhi per-mintaan benih tilapia merah dan patin yang terus bertambah dia akan membuka satu lagi pusat pembenhian bulan depan di Kam-pung Perlok, membatik kawa-san seluas lebih satu hektar meng-gunakan sumber semula jadi bu-ki.

"Sokongan kuat Jabatan Peri-

kanan Pahang yang sentiasa me-mantau projek yang diusahakan menambahkan semangat untuk terus berjaya dalam bidang akua-kultur.

"Selepas ini saya bercadang mengulas benih beberapa spesies lain seperti patin buah, kelah, lampam sungai dan temo-leh," katanya yang bercita-cita menghasilkan lebih sejuta benih ikan setahun, pada masa depan.

31/1/2020

SINAR

ANCAMAN

4

HARIAN

KORONAVIRUS

Makanan import dipantau

Maqis kekang kegiatan penyeludupan makanan elak virus koronavirus daripada menular

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kementeria Pertanian dan Industri Asas Tani akan memperketatkan kawalan di semua pintu masuk utama ke negara ini menerusi agensi seliaannya, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin

bin Ayub berkata, langkah itu dibuat dalam usaha mengekang virus koronavirus yang dikhuatiri menular ke negara ini menerusi kegiatan penyeludupan makanan.

Beliau berkata, Maqis kini sedang melakukan pemeriksaan ke atas semua produk makanan yang diimport daripada luar negara.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tiada barangan makanan dari wilayah Wuhan, China diimport masuk ke negara ini.

“Walaupun tiada fakta yang menyatakan penularan virus ini boleh berlaku melalui makanan, namun langkah waspada dan pencegahan



SALAHUDDIN

tetap diberikan keutamaan,” katanya kepada pemberita pada Majlis Penyampaian Bantuan Bencana Kemarau Tanaman Padi Lembaga Kemajuan Pertanian Kebu (KADA) Bagi Musim 2/2018 di Pertubuhan Pe ladang Kawasan (PPK) Cherang Rotan di sini semalam.

Salahuddin bagaimanapun berkata, Kementerian tidak berhasrat untuk menambah kekuatan anggota Maqis di semua pintu masuk utama ke negara ini.

“Jumlah anggota Maqis dilihat mencukupi dalam melakukan pemeriksaan di semua pintu masuk utama,” katanya.

Cuaca panas jejas harumanis

Pengusaha bimbang tanaman tidak menjadi akibat kekurangan air

Oleh NORJULIANA YAACOB

KANGAR

Rata-rata pengusaha tanaman harumanis di negeri ini resah apabila cuaca panas yang berterusan hampir dua bulan menyebabkan tanaman mereka terjejas.

Pengusaha harumanis dari Kampung Belukar, Tengku Mahmud Tengku Hussain berkata, pokok harumanis yang sudah berbunga memerlukan bekalan air mencukupi untuk menghasilkan buah yang banyak.

Katanya, bekalan air yang tidak mencukupi membuatkan bunga menjadi kering dan putik yang keluar menjadi kecut serta tidak mempunyai isi.

"Pada musim ini, kebanyakan pengusaha tanaman harumanis terpaksa mengeluarkan kos tambahan untuk menggali telaga bagi mendapatkan sumber bekalan air yang mencukupi," katanya ketika ditemui kelmarin.

Tengku Mahmud berkata, bekalan air di kebunnya telah kering dan dia terpaksa mendapatkan bekalan air daripada sumber lain.



Tengku Mahmud menunjukkan tanaman harumanis di ladangnya kelmarin. Gambar kecil, Zainol Abidin.

"Musim lepas kita tidak perlu menyiram pokok dengan kerap kerana cuaca tak panas, tetapi kali ini siraman ke atas pokok perlu dilakukan sekurang-kurangnya dua kali sehari," katanya.

Mengakui masalah sama, pengusaha tanaman harumanis dari Kampung Simpang Geti, Zainol Abidin Ahmad, 65, berkata, musim panas pada tahun ini mengulangi keadaan pada tahun 2016 di mana hasil pengeluaran harumanis menurun 60 peratus berikutan kemarau yang berpanjangan.

"Seberapanya tanaman harumanis memerlukan cuaca yang panas untuk mengeluarkan bunga selain bekalan air

yang mencukupi untuk memastikan bunga berkenaan menjadi buah yang matang," katanya.

Katanya, sekiranya hasil pengeluaran harumanis menurun, dia menjangkakan harga buah berkenaan mampu mencecah sehingga RM45 sekilogram pada musim ini.

Pada tahun 2016, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengumumkan pengeluaran tanaman harumanis menurun 60 peratus akibat cuaca panas.

Berikutan itu, buah berkenaan tidak dieksport ke Jepun dan hanya menampung permintaan dalam negara.

Industri harumanis perlu dipelihara

KANGAR - Industri penanaman harumanis yang menyumbang kira-kira RM70 juta urusan jual beli perlu dipelihara agar identitinya sebagai mangga premium dapat dikekalkan.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis Perlis, Datuk Hashim Suboh berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu mempunyai dasar yang jelas dalam melindungi kepentingan harumanis di Perlis.

Menurutnya, urusan mengimport mangga jenis lain perlu dihalang pada musim harumanis bagi menjamin isu tertentu seperti penipuan gred mangga tidak berlaku.



MASHIM

"Pihak persatuan juga berharap agar tidak semua negeri di negara ini berlumba-lumba untuk menanam harumanis," katanya ketika ditemui di Ladang Harum Manis Mata Ayer kelmarin.

Hashim berkata, peluang pengkhususan tanaman harumanis perlu diberikan kepada Perlis bagi memastikan kualiti buah berkenaan sentiasa terjamin.

"Kita juga mahu memastikan hasil yang dikeluarkan tidak akan menjadi lambakan," katanya.

Menurutnya, pihaknya turut bercadang untuk menjenamakan harumanis kepada satu nama sahaja.

"Namun begitu, kita sangat berharap pihak jabatan berkaitan terutama Mardi (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian) turun padang bagi memantau keadaan tanaman petani.

"Mereka perlu meneliti masalah petani dan menggunakan kepakaran yang ada untuk membantu bagi membolehkan kualiti mangga ini sentiasa dalam keadaan baik," katanya.

Tiga lelaki ditahan sedang khayal dadah

KEPALA BATAS - Tiga lelaki yang sedang khayal dadah ditahan polis dalam sebuah rumah di sebuah rumah di Kampung Aur di sini petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, sebuah

Ops Tapis yang dibuat jam 6 petang jui di dalam rumah terbabit menemukan pelbagai jenis dadah yang dibungkus dipercayai untuk dijual di sekitar kawasan Kepala Batas.

"Antara yang ditemui 70 gram (gm) dadah jenis heroin, 6.5gm syabu dan

0.5gm ganja," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Noorzainy berkata, kesemua dadah yang dirampas bernilai RM4,500 dan ketiga-tiga suspek berusia 38 hingga 50 tahun direman selama tujuh hari untuk siasatan lanjut.

Bazar Peduli Rakyat jual harga murah



PELBAGAI produk seperti ikan, ayam, daging, sayur-sayuran serta pelbagai produk asas tani akan dijual pada harga murah di Bazar Peduli Rakyat. FOTO Khairunisah Lokman
Abnor Hamizam Abd Manap
bhnews@bh.com.my

ORANG ramai sekitar Jelebu berpeluang mendapatkan barangan makanan berharga lima hingga 30 peratus lebih murah menerusi program Bazar Peduli Rakyat Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Klawang, Negeri Sembilan, esok.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir berkata program itu diadakan di Pusat Khidmat DUN Klawang bermula jam 2.15 petang hingga 7 malam.

Menurutnya, pelbagai produk seperti ikan, ayam, daging, sayur-sayuran serta pelbagai produk asas tani akan dijual pada program berkenaan.

"Sebanyak 35 lot jualan membabitkan 35 usahawan sekitar Jelebu terbabit pada program berkenaan.

"Kita mensasarkan 2,000 pengunjung hadir bagi mendapatkan barang keperluan harian yang mampu menjimatkan kos perbelanjaan mereka," katanya ditemui di sini.

Bakri yang juga ADUN Klawang berkata pihaknya turut bekerjasama dengan tiga agensi iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kaunter perkhidmatan pelanggan juga akan dibuka oleh agensi berkaitan selain solat maghrib berjemaah dan tazkirah khas oleh penceramah dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

"Bazar ini dianjurkan sebagai mekanisma untuk membantu rakyat dalam mengurangkan kos sara hidup terutama golongan B40,"katanya.

TARIKH MEDIA MEDIA RUANGAN MUKA
SURAT

81/1/2020 SINAR NASIONAL 9
HARIAN

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERNAD (911810-U)



KERJASAMA STRATEGIK PETRONAS & AGROBANK: Program Memperkasakan B40

28 Januari 2020, AGROBANK mengumumkan kerjasama strategik bersama PETRONAS menerusi program pembiayaan mikro untuk memperkasakan perniagaan kumpulan B40 dalam sektor pertanian dan industri asas tani.

Kerjasama ini mencerminkan kesungguhan AGROBANK dan PETRONAS dalam membuka ruang dan peluang untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan B40 tersebut demi menyokong agenda kemakmuran bersama.



Tanam bawang tak ekonomik, lebih murah jika import



Bawang adalah antara barangan keperluan pengguna yang bekalannya bergantung kepada yang diimport dan lazimnya orang ramai terutamanya suri rumah lebih menyukai bawang yang diimport dari India sungguhpun Malaysia juga mengimport bawang dari Belanda, Pakistan dan China.

Justeru, apabila timbul masalah kekurangan bekalan dari India sehingga menjejaskan eksport bawang termasuk ke Malaysia sudah tentu harganya akan melambung seperti yang berlaku pada akhir tahun lepas sehingga harga bawang dilaporkan mencecah RM24 sekilogram di sesetengah tempat.

Persoalannya mengapa Malaysia tidak menanam bawang bagi memenuhi kadar sara diri (SSL) kerana negara ini mempunyai kawasan pertanian yang luas dengan tanah yang subur.

Apabila perkara ini diajukan kepada pihak berwajib jawapannya ialah tidak ekonomik jika petani menanam bawang dan harganya akan menjadi lebih tinggi daripada yang diimport selain faktor cuaca negara ini yang tidak sesuai dengan tanaman bawang.



Dalam temubual khas *Bernama* bersama Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Mohd Nasir Warris baru-baru ini, beliau menjelaskan bahawa kos import bawang merah dari India adalah jauh lebih murah jika dibandingkan dengan kos pengeluaran bawang merah tempatan.

Sekiranya bawang merah ditanam secara domestik, margin bagi hasil keuntungan petani tempatan untuk penanaman itu adalah sangat kecil dan tidak berbaloi untuk mereka.

keuntungan kepada petani," jelasnya.

"Kalau kita keluarkan (hasilkan) bawang, kita kena jual bawang itu dengan harga seperti bawang yang diimport, jadi ini akan beri margin keuntungan sangat kecil kepada petani dan tidak beri

Kos bawang merah yang diimport dari India lebih murah disebabkan beberapa faktor lain antaranya perusahaan tanaman di negara itu dilakukan secara manual, yang tentunya memerlukan tenaga kerja yang ramai dan India mudah untuk mendapatkan tenaga kerja berbanding Malaysia.

"Macam kita (Malaysia) tenaga kerja adalah terhad, sehingga sekarang ini kalau kita pergi ke ladang-ladang yang besar dan kebun-kebun sayur, perkara pertama yang pengusaha ladang beritahu kita adalah mereka tidak cukup pekerja," katanya.



Malah, jabatan berkenaan juga pernah menjalankan projek perintis penanaman bawang sebelum ini dengan kerjasama syarikat dari India namun hasilnya mendapati kos pengeluaran bahan asas masakan itu agak tinggi.

Mohd Nasir berkata pengeluaran bawang merah turut tidak mendapat sambutan daripada golongan petani tempatan kerana pendapatan daripada perusahaan tanaman itu kurang menguntungkan jika dibandingkan dengan tanaman lain yang memberi pulangan yang lebih tinggi.

Keadaan cuaca sesebuah negara juga menjadi faktor penting untuk penanaman bawang merah dan ia amat sesuai ditanam dalam iklim sub tropika yang berkelembapan rendah, sebaliknya Malaysia berada di zon khatulistiwa yang lembab.

Cuaca negara ini dengan kelembapan relatif lebih daripada 80 peratus dan menerima taburan hujan sepanjang tahun agak kurang sesuai yang menanam bawang kerana tanaman mudah mendapat penyakit bawaan kulat.

Bagaimanapun, Mohd Nasir berkata penanaman bawang merah boleh diusahakan di negara ini dan wajar melihat semula peluang yang ada antaranya mempelbagaikan penggunaan teknologi yang dapat meningkatkan hasil pengeluaran serta mengurangkan kos.

Namun, kajian terperinci diperlukan dengan mekanisme yang sesuai sebelum tanaman bawang dapat dilaksanakan di Malaysia, katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Makanan - krisis yang patut dibimbangi



Dunia kini menghadapi pelbagai krisis seperti kebakaran hutan, peningkatan paras air laut, konflik peperangan, pencemaran alam sekitar dan terbaharu penularan 2019 Novel Koronavirus.

Namun di Malaysia, krisis yang patut membimbangkan datangnya dalam bentuk yang amat asas iaitu makanan kita.

Umum mengetahui negara banyak bergantung kepada import bahan makanan dan risikonya masalah bekalan akan timbul sekiranya negara pengeluar menghadapi masalah seperti kemarau atau banjir - contoh jelas 'harga bawang merah yang melambung' baru-baru ini berikutan kekurangan bekalan di negara pengeluar.

Statistik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menunjukkan berlaku pertambahan jumlah import makanan saban tahun dengan RM224.7 bilion direkodkan untuk tempoh lima tahun dari 2013 hingga 2017, iaitu meningkat pada kadar purata 7.2 peratus setahun iaitu daripada RM38.8 bilion pada 2013 kepada 51.3 billion pada 2017.

Menurut Pakar Ekonomi Pertanian dan Sumber Prof Datuk Dr Mad (RPT: MAD) Nasir Shamsudin negara mempunyai Kadar Sara Diri (SSL) yang masih kurang dan kesannya negara menjadi pengimport bersih makanan dengan defisit imbalan perdagangan makanan yang meningkat dari tahun ke tahun.

Tenaga pengajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu turut berkongsi, misalnya pada 1990 defisit imbalan perdagangan makanan negara mencatatkan hanya RM1.1 bilion namun meningkat kepada RM8.5 bilion pada 2006 dan melonjak naik lebih RM18.6 bilion pada 2018.

"Trend itu semakin meningkat kerana kadar pertumbuhan penduduk semakin tinggi dan permintaan makanan sudah berubah antaranya kerana kenaikan pendapatan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di UPM, dekat Kuala Lumpur baru-baru ini.

Meskipun Malaysia boleh dianggap berada di kedudukan yang baik di tangga ke-28 daripada 113 negara oleh Global Food Security Index 2019, tetapi ia bukan 'lesen' untuk negara terus selesa tanpa mengambil inisiatif bagi mengurangkan import.

Pada 2017, SSL untuk makanan asas seperti beras mencatatkan 70 peratus, daging lembu (22.2 peratus), daging kambing (10.2 peratus), ikan (92.8 peratus), susu (58.3 peratus), buah-buahan (77.5 peratus) dan sayur-sayuran (46.6 peratus).

Mengulas lanjut, Mad Nasir berkata sektor pertanian di negara ini terbahagi kepada dua iaitu agromakanan dan komoditi industri dan secara amnya banyak digunakan dengan tanaman industri seperti kelapa sawit.

Seluas 5.8 juta hektar tanah pada 2018 telah ditanam dengan kelapa sawit dan ia berlaku kerana pulangan daripada komoditi industri melebihi daripada pengeluaran makanan.

"Ini bukan bermaksud pulangan dalam sektor pengeluaran makanan tidak menguntungkan, ia menguntungkan tetapi dari segi relatifnya pulangan tanaman komoditi industri adalah lebih tinggi daripada makanan... contohnya, RM1 yang dilabur dalam kelapa sawit lebih tinggi pulangannya dibandingkan RM1 yang dilabur kepada pengeluaran makanan," ujarnya.

Justeru, sudah tiba masanya untuk melihat pelaburan dalam bidang pengeluaran makanan sebagai pulangan sosial yang akan membawa pulangan dari segi kesejahteraan rakyat dan keamanan negara.

"Kalau kita lihat dari segi polisi negara maju seperti Amerika Syarikat dan sebagainya, mereka melihat pelaburan dalam bidang pengeluaran makanan ini sebagai pulangan sosial kerana kajian menunjukkan kalau tiga hari sahaja negara tidak kecukupan makanan ia akan jadi huru-hara dan kacau-bilau," jelasnya.

Dalam usaha mengurangkan import, dasar guna tanah boleh dilakukan iaitu melalui penyisihan kawasan tanah pertanian khusus untuk penghasilan makanan selain memperkasakan usahawan, kata pensyarah kanan Fakulti Pertanian UPM itu.

Sementara itu, Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memaklumkan import masih perlu dilakukan bagi menampung kekurangan pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan

bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran temperate, gandum, gula dan sediaan gula.

Bagaimanapun, dalam usaha mengurangkan kebergantungan import Kementerian mengambil langkah proaktif dalam memastikan pertanian tidak ketinggalan seiring dengan perkembangan teknologi dan Revolusi Industri 4.0.

Selain itu, Kementerian akan terus memberi penekanan program pertanian moden selaras dengan aspirasi kerajaan menuju Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Antara contoh pertanian moden yang telah diperkenalkan ialah pembangunan pakej teknologi pertanian tepat untuk pengeluaran padi, pembangunan pertanian bandar dan pembangunan kilang tanaman iaitu penanaman secara persekitaran terkawal melalui pembangunan kilang tanaman dilengkapi sistem Internet of Things (IoT).

Usaha itu antara lain dilihat selari dengan manifesto Pakatan Harapan bagi menjamin keperluan makanan asas rakyat dan menjaga kebajikan petani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Catuan air tidak musnah cili fertigasi



tangki kembali terisi.

ALOR GAJAH: Kebanyakan usahawan tani yang mengusahakan tanaman melalui kaedah fertigasi menarik nafas lega berikutan catuan air di negeri ini mulai semalam tidak merosakkan pokok akibat gangguan sistem penyaluran air.

Mereka yang sebelum ini bimbang catuan akan menyebabkan pokok rosak atau mati akibat kekurangan air, hari ini menarik nafas lega apabila mendapati catuan selama 24 jam, mulai jam 10 pagi semalam tidak menyebabkan pokok mengalami masalah yang boleh menyebabkan mereka kerugian.

Walaupun mengakui paras air dalam tangki tadahan berkurangan hingga paras membimbangkan ketika catuan berlangsung, mereka bersyukur apabila bekalan air yang pulih pada jam 10.30 pagi ini membolehkan

Pengusaha cili padi secara fertigasi, Hamdan Wagiman, 40, berkata sebelum catuan dimulakan, beliau bimbang cili padi dalam 500 beg poly di kebunnya bakal musnah atau rosak akibat kekurangan air.

"Air yang bercampur baja dalam tangki berkapasiti 1,000 liter, dipam secara automatik setiap setengah jam selama kira-kira lima minit ke beg poly dan proses itu berjalan selama 24 jam.

"Bagaimanapun, apabila air dicatu yang berlaku ialah air hanya keluar dan tidak ada yang masuk yang menyebabkan saya bimbang tangki akan kering tetapi Alhamdulillah, selepas 24 jam catuan masih ada kira-kira 10 peratus air dalam tangki," katanya ketika ditemui di kebun cili padinya di Kampung Londang, Masjid Tanah di sini hari ini.

Hamdan berkata, beliau tidak mempunyai telaga sebagai sumber air sokongan jika air pili dicatu tetapi bercadang membuat perigi bagi memastikan air sentiasa ada untuk kegunaan di kebunnya.

Katanya, beliau dan anak saudaranya yang membantu di kebun, Muhammad Aiman Hassan, 21, bagaimanapun bersedia mencari sumber bekalan air dari telaga milik jirannya kira-kira 300 meter dari kebun itu jika keadaan mendesak.

Pengusaha tanaman yang sama di Kampung Kuala Sungai Baru, Mohd Iskandar Abdul Rahim, 25, berkata catuan air mencemaskan beliau dan dua rakan kongsinya tetapi mereka bersyukur kerana masih ada air dalam tangki yang mampu digunakan untuk menyiram pokok dalam 1,500 beg poly.

Usahawan tani yang sudah tiga tahun mengusahakan kebun berkenaan bercadang menyediakan tangki air simpanan bagi menghadapi kemungkinan catuan air pada masa depan.

Bernama

Sungai Besar

Niat murni Muhammad Ikmal Hafizi Mohd Nazri, 25, yang rela berhenti kerja demi menjaga ibu bapanya di kampung terbalas apabila memperoleh kerjaya baharu dengan menerbangkan dron bagi tugas membaja dan menyembur racun untuk tanaman padi.

"Apabila saya pulang ke kampung untuk menjaga ibu bapa yang kurang sihat, saya dapat tahu melalui rakan Koperasi Wawasan Tani Bhd Simpang Lima sedang mencari pengendali dron, maka saya memohon kerja itu," katanya.

Menurutnya, dia dipilih menerbangkan dron bagi membaja dan menyembur racun dalam proses penanaman padi.

Digelar sebagai pilot, Ikmal bersama rakan sekerja, Mohd Afiq Haziq Sulaiman, 25, melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memantapkan lagi penggunaan dron di samping mengelak daripada sebarang masalah.

Sementara itu, Afiq yang juga pemegang Sijil Kemahiran Malaysia berkata, mereka mengubah suai dron mengikut penggunaan bateri dan kapasiti racun yang boleh digunakan untuk satu lot sawah padi.

"Kami kena tahu berapa tong diperlukan bagi menyembur racun dengan efektif. Selepas melakukan R&D, kami ubah suai dron itu supaya boleh membawa 10 liter racun dengan kawalan bateri sesuai," katanya.

Selain itu, katanya mereka perlu belajar mengawal ketinggian dron dan masa sesuai untuk menyembur racun supaya usaha menghapuskan penyakit pada padi dan serangan serangga seperti ulat batang berkesan.

Afiq antara pilot terawal menerbangkan dron untuk penanaman padi dan mengendalikan pelbagai jenis dron

Pilot bendang

Lelaki pulang ke kampung jaga ibu bapa dapat kerja kendali dron tabur baja, racun



termasuk DJI Agras MG1, model dron pertama digunakan di sawah padi yang memerlukan dua pengendali.

Selain itu, Ikmal dan Afiq juga berdaftar dengan Kelab Belia Wawasan di bawah koperasi dan diakui Kementerian Belia dan Sukan untuk melayakkan mereka mendapat latihan dan bekerja sebagai pilot di koperasi itu.

Waktu kerja mereka setiap hari bermula jam 6.30 pagi hingga 11 pagi dan 5 petang hingga tengah malam mengikut waktu aktif serangga perosak.

"Kami tolong pesawah dan bekerja sampai lewat malam, tapi kami juga perlu minta kerjasama mereka mengalihkan kayu atau dahan tinggi di tengah sawah untuk memudahkan perjalanan dron," katanya.

Mengulas aspek pendapatan, Ikmal dan Afiq amat berpuas hati dengan gaji diterima ditambah pula waktu kerja fleksibel.

"Ramal bertanya, kenapa saya kerja di sawah memandangkan saya ada diploma. Tetapi, saya puas hati dapat menjadikan minat sebagai kerjaya dalam masa yang sama mendapat gaji berbaloi," kata Ikmal yang membawa dron sejak akhir tahun lalu.

Mereka juga berharap bilangan dron ditingkatkan bagi menarik lebih ramai belia bekerja di sawah yang kini amat memerlukan tenaga muda.

"Kita tiada dron yang cukup, tetapi ramai memohon bekerja di sawah dengan harapan dapat menerbangkan dron," katanya.



Saya puas hati dapat menjadikan minat sebagai kerjaya dalam masa yang sama mendapat gaji berbaloi"

Mohd Afiq Haziq Sulaiman

MOHD AFIQ menerbangkan dron untuk membaja dan menyembur racun di Kampung Simpang Lima, semalam.

RINGKAS

Cedera dihempap pokok tumbang

Kuala Lumpur: Seorang lelaki cedera selepas dihempap pokok tumbang di Muzium Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jalan Perdana di sini, semalam.

Kejadian jam 9.45 pagi itu dipercayai berlaku apabila mangsa yang berusia 29 tahun berada berhampiran bas sebelum dihempap pokok tumbang Jurucakap Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kuala Lumpur berkata, mangsa yang membawa pelancong berhenti di kawasan muzium.



MANGSA dihempap pokok tumbang di Muzium PDRM, semalam.

"Ketika turun dari bas, pokok yang di lereng bukit tumbang sebelum menghempap mangsa menyebabkan cedera di kepala, tulang rusuk dan kaki kanan," katanya.

Menurutnya, mangsa kini menerima rawatan di zon merah Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Pekebun lega catuan air tak jejas cili

Alor Gajah: Usaha petani yang mengusahakan tanaman melalui kaedah fertigation menarik nafas lega berikutan catuan air yang bermula kelmarin tidak merosakkan pokok akibat gangguan sistem penyaluran air.

La berikutan catuan 24 jam yang bermula jam 10 pagi kelmarin pulih semalam sekali gus membolehkan tangki air yang turun ke paras membimbangkan kembali diisi.

Pengusaha cili, Hamdan Wagiman, 40, berkata, sebelum catuan, dia bimbang anak benih dalam 500 beg poli di kebunnya musnah atau rosak akibat kekurangan air.

"Air bercampur baja dalam tangki berkapasiti 1,000 liter dipam secara automatik setiap setengah

jam selama lima minit ke dalam beg poli dan proses itu berjalan 24 jam.

"Bagaimanapun, apabila air dicatu saya bimbang tangki kering.

Bagaimanapun, selepas 24 jam catuan, air masih berbaki peratus air dalam tangki," katanya di kebun cili di Kampung Londang, Masjid Tanah di sini, semalam.

Hamdan berkata, dia tiada telaga sebagai sumber air sokongan jika air pili dicatu, tetapi bercadang membuat perigi bagi menjamin keperluan air untuk kebunnya.

Pengusaha cili di Kampung Kuala Sungai Baru, Mohd Iskandar Abdul Rahim, 25, berkata, catuan air mencemaskan dia serta dua rakan kongsinya, tetapi lega apabila baki dalam tangki

boleh digunakan untuk menyiram 1,500 anak pokok dalam beg poli.

Dia yang tiga tahun mengusahakan tanaman itu bercadang menyediakan tangki air bagi menghadapi kemungkinan catuan pada masa depan.

MUHAMMAD Aliman Hassa mereliti paras air baja yang merosot berikutan catuan air di kebun cili tap saudaranya, Hamda Wagiman di Kampung Londang, Masjid Tanah

